

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2005/2006

November 2005

**EUT 201/2 - Teknik Berfikir**

Masa : 2 jam

---

**Arahan Kepada Calon:**

1. Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT (4)** muka surat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Kertas ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan dan dibahagikan kepada kepada DUA [2] bahagian: Bahagian A dan Bahagian B. Jawab **DUA (2)** soalan sahaja.
3. Jawab **SEMUA** soalan daripada Bahagian A dan **SATU [1]** daripada Bahagian B.
4. Semua soalan **MESTILAH** dijawab dalam Bahasa Malaysia.
5. Semua jawapan **MESTILAH** dimulakan pada muka surat yang baru.
6. Tuliskan nombor soalan yang dijawab di luar kulit buku jawapan anda.
7. Sila catatkan dengan jelas nama pensyarah/tutor yang mengendalikan kelas tutorial anda di sudut kiri skrip jawapan.

**BAHAGIAN A:**

Jawab **SEMUA** soalan.

1. (a) Anda bakal menjadi jurutera setelah menamatkan pengajian di USM. Menggunakan pengetahuan dan pengalaman yang telah anda perolehi, terangkan bidang tugas yang bakal anda jalankan apabila bertugas sebagai jurutera. Untuk menjalankan tugas ini, anda perlu menggunakan kedua-dua fikiran vertikal dan lateral.

Huraikan elemen kerjaya anda yang memerlukan setiap satu jenis fikiran ini.

**(50 markah)**

- (b) Kenaikan harga minyak petrol dan disel sememangnya membebankan rakyat. Dalam masa yang sama, sebagai rakyat yang berpendidikan tinggi, anda seharusnya dapat memahami masalah yang dihadapi oleh kerajaan yang terpaksa menanggung subsidi minyak yang terlalu tinggi. Akibat kerugian menanggung subsidi itu, kerajaan terpaksa mengurangkan tanggungan perbelanjaan yang lain seperti sektor pendidikan dan kesihatan.

Sebagai seorang yang berilmu dan berpendidikan tinggi, anda seharusnya boleh membantu kerajaan dengan memberikan idea yang kreatif dan inovatif, serta buah pemikiran yang bernalas bagaimana isu tersebut boleh ditangani.

Huraikan pandangan anda.

**(50 markah)**

**BAHAGIAN B:**

Jawab **SATU [1]** soalan sahaja.

2. Sejak kebelakangan ini, program realiti TV berbentuk hiburan tumbuh bagaikan cendawan dan mendapat sambutan hangat serta mempunyai daya tarikan yang hebat di kalangan rakyat Malaysia terutamanya golongan remaja. Malangnya program ini hanya tertumpu kepada bidang hiburan semata-mata dan kebanyakannya diadaptasi terus dari Barat. Ada pihak yang mengatakan program ini banyak memberi pengajaran yang tidak sesuai dengan adat ketimuran dan juga tidak membina minda generasi muda sekarang.

Sebagai siswa/siswi yang berwawasan untuk membantu Malaysia ke arah Malaysia Cemerlang, Gemilang dan Terbilang, **gunakan alat-alat berfikir PMI (baik, buruk dan menarik), FIP (perkara yang diutamakan), CAF (ambil kira semua faktor), C&S (kesan & akibat), OPV(ambil kira pandangan orang lain)** untuk menjanakan idea bagi membantu kerajaan menyediakan garis panduan untuk mengawal dan menambahbaik lagi program-program realiti TV ke arah pembinaan generasi terbilang. Anda juga boleh memberi cadangan-cadangan dan idea-idea yang bernalas kepada pihak penyiaran untuk menghasilkan program-program yang lebih bermanfaat ke arah menghasilkan individu yang berkualiti dan mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

**(100 markah)**

3. Akhbar *The Star* bertarikh 2 Ogos 2005, seorang pensyarah USM telah memberi komen tersebut (terjemahan):

“... ramai graduan mendapat gred yang baik dalam peperiksaan dengan menghafal nota dan menulis semula apa yang dihafal ..... mereka tidak menyedari hakikat bahawa cara ini tidak berguna apabila mereka bekerja kelak.”

Sebagai bakal jurutera, pertimbangkan komen ini dengan serius dan gunakan sekurang-kurangnya 4 topi berfikir untuk membincangkan pandangan anda.

Berikan kesimpulan yang sesuai kepada perbincangan anda.

**(100 markah)**

4. Jabatan Pengurusan IPT telah mengarahkan semua IPTA menawarkan Kursus Hubungan Etnik dan TITAS sebagai kursus wajib Universiti pada masa akan datang bagi menggantikan kursus TITAS 1 dan TITAS 2 yang ditawarkan sebelum ini. Objektif utama kursus Hubungan Etnik ialah untuk mendedahkan pelajar kepada pluraliti budaya, masyarakat dan kumpulan etnik di Malaysia.

Sebagai pelajar universiti yang tergulung dalam masyarakat intelek, berfikiran terbuka, positif dan analatikal, janakan idea untuk membantu pihak universiti dalam penawaran kursus tersebut boleh dilaksanakan dari segi tutorial dan praktikal dengan menggunakan alat-alat berfikir yang sesuai supaya objektif penawaran kursus tersebut adalah berkesan. Pastikan idea yang dibincangkan tidak mengganggu atau membatalkan kefahaman atau akidah dan kepercayaan agama masing-masing.

(100 markah)

- ooo O ooo -